



[Experts](#)

Aspirasi Mahasiswa UMPSA dalam Kerangka Mental Model dan Pelan Strategik

27 April 2026

Dalam perbincangan tentang pembangunan universiti, perhatian sering tertumpu kepada pelan strategik dan pelaksanaan institusi. Namun, satu dimensi yang kurang diberi perhatian ialah bagaimana mahasiswa memahami dan mengaplikasikan kerangka tersebut dalam pembinaan diri.

Dalam konteks Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), persoalan ini menjadi semakin penting apabila universiti telah menyediakan struktur yang jelas melalui pelan strategik dan diperkukuh dengan pelaksanaan operasi semasa.

Mental Model UMPSA sebagai Kerangka Asas

UMPSA beroperasi melalui satu mental model yang tersusun, bermula daripada falsafah, diikuti visi, misi, nilai teras, kompetensi dan akhirnya menghasilkan graduan sebagai 'produk'. Model ini bukan sekadar struktur organisasi, tetapi satu kerangka logik yang menghubungkan tujuan, tindakan dan hasil.

Dalam pelan strategik terdahulu dan peralihan kepada UMPSA30, model ini diterjemahkan kepada fokus pembangunan seperti TVET aras tinggi, inovasi industri, kelestarian kewangan dan pengantarabangsaan. Amanat Naib Canselor melalui kerangka K.I.T.A pula memperincikan pelaksanaan model ini pada peringkat operasi.

Namun, keberkesanan mental model ini tidak bergantung kepada kejelasan struktur semata-mata. Ia bergantung kepada sejauh mana ia difahami dan dihayati oleh mahasiswa sebagai kumpulan sasaran utama.

Aspirasi Mahasiswa sebagai Cerminan Kefahaman Model

Program *Townhall* Muhibbah yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada bulan April 2026 memperlihatkan pelbagai aspirasi mahasiswa berkaitan kemudahan kampus, sokongan akademik, kebajikan dan kelestarian.

Seimbis lalu, aspirasi ini kelihatan sebagai senarai isu operasi. Namun, jika dianalisis dalam kerangka mental model, ia sebenarnya mencerminkan tahap kefahaman mahasiswa terhadap sistem universiti.

Sebagai contoh, tuntutan terhadap kemudahan kampus boleh ditafsir sebagai maklum balas terhadap komponen 'proses' dalam model tersebut. Aspirasi berkaitan sokongan akademik pula berkait dengan 'kompetensi' yang ingin dibangunkan. Manakala isu kebajikan dan kelestarian mencerminkan hubungan antara universiti sebagai sistem dengan masyarakat sebagai penerima nilai.

Dalam erti kata lain, aspirasi mahasiswa bukan sekadar suara, tetapi indikator kepada sejauh mana mental model universiti diterjemahkan dalam pengalaman sebenar pelajar.

Jurang antara Struktur dan Interpretasi

Walaupun mental model UMPSA tersusun dengan jelas, wujud jurang antara struktur tersebut dengan interpretasi mahasiswa. Ramai pelajar masih melihat pengalaman universiti sebagai satu proses linear yang tertumpu kepada pencapaian akademik, tanpa mengaitkannya dengan pembinaan identiti dan nilai.

Jurang ini menjelaskan mengapa aspirasi mahasiswa sering tertumpu kepada isu permukaan. Ia bukan kerana isu tersebut tidak penting, tetapi kerana kefahaman terhadap keseluruhan sistem masih belum mendalam.

Dalam konteks ini, masalah utama bukan kekurangan struktur, tetapi kekurangan interpretasi.

Pelan Strategik sebagai Mekanisme Penyelarasan

Pelan strategik UMPSA, termasuk UMPSA30, sebenarnya berfungsi sebagai mekanisme untuk menyelaraskan mental model institusi dengan realiti pelaksanaan. Ia menyediakan arah yang jelas tentang bagaimana setiap komponen dalam model tersebut perlu dioperasikan.

Namun, penyelarasan ini tidak akan lengkap tanpa keterlibatan mahasiswa. Aspirasi yang disuarakan melalui platform seperti Townhall Muhibbah perlu dilihat sebagai sebahagian daripada proses maklum balas yang memperbaiki sistem.

Jika aspirasi ini hanya dikumpulkan tanpa analisis dan tindakan, maka pelan strategik kehilangan fungsi dinamiknyanya sebagai alat penambahbaikan berterusan.

Mahasiswa sebagai Pemegang Peranan dalam Model

Dalam mental model UMPSA, mahasiswa bukan sekadar penerima 'produk', tetapi sebahagian daripada proses pembentukan produk itu sendiri. Oleh itu, peranan mahasiswa tidak boleh terhad kepada memberi maklum balas, tetapi perlu berkembang kepada penglibatan aktif dalam pembinaan diri.

Dalam konteks UMPSA30 yang menekankan impak dan kedudukan strategik universiti, mahasiswa perlu berfungsi sebagai peserta dalam ekosistem, bukan sebagai pengguna pasif. Ini menuntut perubahan cara fikir daripada bergantung kepada sistem kepada memanfaatkan sistem secara strategik.

Kesimpulannya, aspirasi mahasiswa UMPSA perlu difahami dalam kerangka yang lebih luas daripada sekadar isu kebajikan atau kemudahan. Ia merupakan cerminan kepada interaksi antara mental model universiti, pelan strategik dan pengalaman sebenar pelajar.

Keberkesanan universiti tidak hanya bergantung kepada kejelasan struktur atau kekuatan pelaksanaan, tetapi juga kepada keupayaan mahasiswa untuk memahami dan mengaplikasikan kerangka tersebut dalam pembinaan diri.

Dalam konteks ini, persoalan utama bukan lagi sama ada aspirasi didengar, tetapi sama ada aspirasi tersebut mampu mengubah cara mahasiswa berfikir dan berfungsi dalam sistem yang semakin kompleks.

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Oleh: Ahmad Ibrahim

E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

- 18 views

[View PDF](#)